

PENGALAMAN TAHUN PERTAMA PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH: PERSPEKTIF KEWANGAN SEBAGAI FAKTOR PEMANGKIN DALAM MELANJUTKAN PENGAJIAN DI LUAR NEGARA

**FIRST YEAR EXPERIENCE OF INTERNATIONAL STUDENTS AT
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH:
FINANCIAL PERSPECTIVE ON DRIVERS OF STUDYING ABROAD**

Irma Wani Othman¹
Hasbullah Awang²
Muhammad Safuan Yusoff³
Herlina Jupiter⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 84000 Kota Kinabalu, Sabah, Tel:+6088320000 E-mail: irma@ums.edu.my
^{2,3&4}Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan, Tel: +6087460486 E-mail: hasbullahawang87@yahoo.com

Accepted date: 1 January 2017, Published date: 31 March 2017

Abstrak:*Dalam usaha merealisasikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan tinggi serantau, pengantarabangsaan dilihat sebagai satu pendekatan efisien yang mampu memperkasakan pengajian tinggi di Malaysia setanding dengan kualiti pendidikan yang terbaik di dunia. Menurut Washington Accord Standard (2017), Malaysia adalah antara negara yang menyediakan kos perkhidmatan perbelanjaan dari segi kos kewangan pengajian yang terendah berbanding Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Kos kewangan ini meliputi kos pengajian, kos perjalanan, kos sara hidup dan sebagainya. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dari perspektif kewangan dalam kalangan pelajar antarabangsa dalam melanjutkan pengajian di luar negara. Oleh itu, pemilihan UMS sebagai destinasi pengajian adalah dilihat pilihan yang tepat kerana yuran pengajian yang dikenakan berpatutan, bertujuan bagi memastikan kemampuan pelajar untuk membayar yuran sepanjang tempoh pengajian. Kebiasaannya kebanyakan daripada pelajar antarabangsa ini melanjutkan pengajian atas pembiayaan mereka sendiri dan sebahagian besar melanjutkan pengajian melalui biasiswa yang telah ditawarkan oleh negara masing-masing. Hasil dari*

perbincangan dalam kertas kerja ini dijangkakan dapat memberi gambaran terhadap usaha dalam membantu penjana ekonomi UMS di samping meningkatkan lagi mutu akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Kata Kunci: Pengantarabangsaan, Pendidikan Tinggi, Kewangan.

Abstract: *To realize Malaysia as a regional centre of higher education, internationalization is seen as an efficient approach that can empower higher education in Malaysia on par with the world's best quality of education. According to the Washington Accord Standard (2017), Malaysia is among the countries where the cost of services expenses in terms of the financial cost of tuition is lower than Singapore, United Kingdom and United States. Finance costs include the cost of tuition, travel costs, cost of living and so on. The objective of this study was to examine the financial perspective among international students in studying abroad. Therefore, the selection of UMS as a study destination is viewed the right choice because of tuition fees charged are very reasonable. This is because in order to ensure the ability of students to pay fees during the study period. Usually most of these international students to study at their own expense and there are also some continuing education through scholarships were offered by the respective countries. The results of the study are hope to help improve the next generation UMS economy further enhance the academic quality of international students.*

Keywords: Internationalization, Higher of Education, Finance


Pengenalan

Globalisasi dalam pendidikan memperlihatkan perubahan yang drastik dalam pendidikan dunia. Ianya bukan sahaja mampu membawa kepada kemajuan ekonomi malah dapat melahirkan generasi celik ilmu dan minda kelas pertama. Sejak 30 tahun lalu, pengantarabangsaan pendidikan telah menjadi sektor utama dalam pertumbuhan kemajuan sesebuah negara di seluruh dunia (Bodycott, 2014). Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pengantarabangsaan pendidikan membawa manfaat khususnya dari segi pembangunan peribadi dan profesional (Bryla, 2015; Connington, 2014). Sebagai sebuah negara yang membangun, sistem pendidikan tinggi di Malaysia turut mengalami corak perubahan dalam globalisasi pendidikan yang dapat memenuhi aspirasi pembangunan negara seterusnya dapat melahirkan golongan yang kebolehpasaran. Impak positif dari globalisasi pendidikan ini dapat dilihat hasil dari kemasukan pelajar asing yang melanjutkan pengajian di Malaysia. Melalui dunia tanpa sempadan, kehadiran pelajar asing ini sememangnya memberikan dimensi baru dalam sistem pendidikan negara disebabkan percampuran budaya, bahasa dan juga dapat membina rangkaian perhubungan baru (IPPTN, 2009; King dan Ruiz-Gelices, 2015). Kertas konsep ini bertujuan mengkaji dari perspektif kewangan faktor yang mendorong pelajar antarabangsa dalam melanjutkan pengajian di luar negara.

Pernyataan Masalah

Dasar keterbukaan sistem pendidikan di Malaysia dalam menerima kemasukan pelajar asing ini dapat menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Tidak hairanlah berdasarkan keupayaan dan reputasi sektor pengajian tinggi di Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi mensasarkan pada tahun 2020, jumlah kemasukan pelajar

asing yang melanjutkan pengajian adalah seramai 200,000 orang (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2014). Jadual 1 menunjukkan tren kemasukan pelajar antarabangsa yang berdaftar di IPTA Malaysia (2009-2014).



Sumber: file:///C:/Users/User/Downloads/Perangkaan%20Pendidikan%20Tinggi%20Negara%20KPT%202014.pdf

Statistik menunjukkan peningkatan pelajar antarabangsa ke Malaysia meningkat secara konsisten dari tahun 2009 sehingga 2013. Namun, pada tahun 2013 sehingga 2014 terdapat penurunan sebanyak 1,784 pelajar dari jumlah 28,826 orang tahun 2013 kepada 27,042 orang pada tahun 2014. Penurunan ini memberi impak dimana terdapat peralihan minat pelajar antarabangsa dalam memilih destinasi pengajian. Justeru, bilangan negara-negara yang terlibat secara aktif dalam merekrut pelajar antarabangsa telah berkembang dengan ketara. Memandangkan persaingan untuk merekrut pelajar antarabangsa yang semakin meningkat, ia telah menjadi semakin penting khususnya universiti-universiti di dunia dalam mewujudkan pengalaman yang bermakna kepada pelajar antarabangsa sepanjang tempoh pengajian mereka.

Kepentingan Kajian

1. Kajian ini diharap dapat meningkatkan penjana ekonomi di Institusi pada masa hadapan.
2. Kajian in berguna dalam menentukan pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa khususnya melihat dari perspektif kewangan.

Skop Kajian

Diskusi kertas konsep ini diharap dapat memberi impak yang positif kepada pelajar antarabangsa dalam menentukan pemilihan destinasi pengajian dengan melihat dari perspektif kewangan untuk melanjutkan pengajian. Seterusnya dalam menarik lebih ramai kehadiran pelajar antarabangsa, Institusi Pengajian Tinggi perlu lebih bijak dalam menarik

minat pelajar antarabangsa khususnya menawarkan kos pengajian yang berpatutan agar dapat meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa di universiti-universiti awam.

Sorotan Ilmiah

Terdapat beberapa kajian terdahulu berkaitan pelajar antarabangsa di Malaysia. Kajian Yet *et al.* (2014) mendapati bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian termasuklah cadangan ejen, kos yang lebih murah dan iklim yang selesa. Kenyataan ini disokong oleh Dora *et al.* (2014) yang menyatakan bahawa enam faktor pelajar antarabangsa memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian adalah kerana kos pengajian yang dikenakan berpatutan. Seiring dengan pendidikan di Malaysia yang kian berkembang pesat, Malaysia merupakan salah sebuah negara pesaing Amerika yang menjadi peneraju destinasi pelajar antarabangsa (Choudaha dan Chang, 2012).

Kadar yuran yang rendah dan tempoh pengajian yang singkat juga menjadi tarikan Malaysia sebagai destinasi utama untuk melanjutkan pengajian. Yuran yang perlu dibayar bagi melanjutkan pengajian di negara ini hanya satu per tiga daripada yuran yang dikenakan untuk memasuki universiti negara yang maju. Bukan itu sahaja, tidak wujudnya pertukaran musim menyebabkan tempoh cuti semester yang lebih pendek membolehkan pelajar antarabangsa ini dapat menghabiskan tempoh pengajian dengan cepat.

Menurut kajian Padlee *et al.* 2010; Kusumawati *et al.* 2010; Wagner dan Fard, 2009; Mazzarol dan Soutar, 2002) menyatakan faktor yang sering dikaitkan dengan sebuah universiti atau kolej adalah dari segi kos pendidikan. Umumnya, kos pendidikan bukan hanya tertumpu kepada kos pengajian, tetapi ianya juga meliputi kos sara hidup, kos perbelanjaan dan kos perjalanan. Oleh yang demikian, sebelum membuat keputusan melanjutkan pengajian ke luar negara, pelajar ini sangat menitikberatkan berkaitan kos pendidikan. Walaupun ada yang berpendapat bahawa pelajar antarabangsa ini terdiri daripada golongan kaya-raya, namun kajian telah menunjukkan bahawa kos pengajian adalah faktor penting dalam memilih destinasi pengajian.

Kajian lepas juga mendapati bahawa pemilihan destinasi pengajian, kebanyakan pelajar antarabangsa akan mengambil kira kos pengajian yang mana ianya dianggap faktor yang paling penting daripada faktor lain dalam membuat keputusan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Dapatan kajian Anderson dan Bhati, 2014 pelajar dari India mula memilih Singapura sebagai destinasi pengajian berbanding Australia disebabkan yuran pengajian yang lebih rendah. Manakala kajian Joseph dan Joseph (2014) mendapati kos adalah salah satu elemen yang paling ketara kerana kos adalah pengaruh secara negatif dan bantuan kewangan pula pengaruh positif terhadap pemilihan pelajar dalam membuat keputusan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara.

Ini turut dipersetujui kajian Spaulding dan Olswang (2015) yang menyatakan selepas pelajar mendapat tawaran melanjutkan pengajian di universiti luar negara, kos pengajian perlu dipertimbangkan secara serius yang mana mulanya merupakan pengaruh tidak langsung akan berubah kepada pengaruh langsung. Yang (2007) pula mengatakan bahawa yuran pengajian dan kos hidup antara dua faktor yang paling besar mengapa pelajar China memilih Australia sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian. Hal ini disebabkan kos pengajian yang

berpatutan adalah sangat penting bagi memastikan kemampuan pelajar untuk membayar yuran pengajian bagi mengelakkan masalah ketika dalam tempoh pengajian.

Kerangka Konseptual

Kajian ini menggunakan teori faktor dalaman (Tolakan) dan faktor luaran (Tarikan) yang telah dibangunkan oleh Mazzarol dan Soutar (2002).



Berdasarkan teori ini, faktor tolakan ataupun dalaman adalah set faktor dalam negara penghantar yang mempengaruhi keputusan belajar untuk menuntut di luar negara, manakala faktor tarikan ataupun luaran adalah satu set faktor dalam negara penerima yang dapat menarik minat pelajar antarabangsa (Mazzarol dan Soutar, 2002). Oleh yang demikian, sebelum membuat keputusan, pelajar antarabangsa haruslah mempertimbangkan faktor dalaman dan luaran untuk melanjutkan pengajian.

Metodologi Kajian

Pemilihan bagi kajian ini sering menggunakan kaedah secara kualitatif . Pemilihan ini bertujuan bagi menghuraikan fenomena secara mendalam sesuatu kejadian. Pemilihan reka bentuk bagi kajian ini adalah berdasarkan kajian kes iaitu bertujuan untuk mengetahui perkara-perkara yang belum diketahui, memberi penjelasan kepada sesuatu peristiwa yang telah berlaku dan menghuraikan fenomena tertentu (Piaw, 2006; Yin, 2009). Pendekatan

teknik temu bual semi struktur yang mana melibatkan seramai 20 hingga 30 orang informan dalam kalangan pelajar antarabangsa berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Perbincangan

Secara dasarnya, kos kewangan antara aspek utama yang perlu dipertimbangkan sebelum membuat keputusan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Kos pengajian, kos sara hidup dan kos perjalanan perlu ditanggung sendiri oleh pelajar antarabangsa disebabkan majoriti mereka merupakan tajaan sendiri. Pemilihan destinasi pengajian bergantung kepada kos sara hidup sesebuah negara. Semakin rendah kos hidup sesebuah negara, semakin ramai pelajar antarabangsa akan memilih untuk destinasi pengajian mereka. Manakala melalui kebajikan perlindungan yang ditubuhkan di universiti dapat membantu pelajar antarabangsa dari masalah kewangan yang dihadapi. Peluang mendapatkan biasiswa dengan prasyarat mempunyai prestasi akademik yang cemerlang antara cadangan yang perlu dipertimbangkan oleh pihak universiti bagi pelajar antarabangsa yang berdaftar. Senario dalaman sesebuah negara contohnya dari segi ekonomi memberi impak terhadap pemilihan pelajar untuk melakukan pekerjaan sambil semasa menuntut di universiti. Seperkara lagi, program-program amal yang dianjurkan samada daripada majlis perwakilan pelajar mahupun kolej kediaman seperti pemberian makanan percuma dapat mengurangkan bebanan perbelanjaan bagi pelajar antarabangsa.

Kesimpulan

Kertas konsep ini merungkai dari aspek kewangan yang menjadi antara faktor dalam pemilihan destinasi pengajian. Ianya juga turut mempersembahkan kepentingan dan skop kajian di mana pada masa hadapan kajian ini dapat dikembangkan dan dipraktikan bukan sahaja di universiti tetapi di semua peringkat institusi pendidikan di Malaysia. Kertas konsep ini juga turut mencadangkan beberapa cadangan dalam memacu hala tuju dan penjanaan ekonomi bagi UMS seterusnya dapat mewujudkan pengalaman yang bermakna kepada pelajar antarabangsa sepanjang tempoh pengajian.

Rujukan

- Anderson, R & Bhati, A 2014, 'Indian students' choice of study destination: reasons for choosing Singapore', *International Journal of Innovative Interdisciplinary Research*, vol. 1, no. 2, pp. 66-76.
- Bodycott, P 2014, 'Choosing a higher education study abroad destination what mainland Chinese parents and students rate as important', *Journal of research in International Education*, vol. 8, no. 3, pp. 349-73.
- Bryła, P 2015, 'the Impact of International Student Mobility on Subsequent Employment and Professional Career: A Large-scale Survey among Polish Former Erasmus Students', *paper presented to International Educational Technology Conference, IETC 2014*, Chicago, USA, 3-5 September 2014.
- Choudaha R, Chang L (2012) Trends in international student mobility. *Research report. World education services.*
- Connington, J 2014, 'Study abroad: the career benefits', *The Telegraph*, 24 December.
- Dora, M.T.H., Ibrahim, N.R.D.W., Ramachandran, S.D., Kasim, A. and Saad, M.S.M. (2014). A study on factors that influence choice of Malaysian institution of higher

- learning for international graduate students. *Journal of Human Capital Development*, **2** (1), 105-113.
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (2009) *Kajian pelajar antarabangsa di Malaysia*. Laporan Akhir. Pulau Pinang.
- Joseph M, Joseph B (2014) Identifying need of potential students in tertiary education for strategy development. *Quality Assurance in Education* **6** (2), 90-96.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2014) *Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kusumawati, A., Yanamandram, V. and Perera, N. (2010). Exploring student choice criteria for selecting an Indonesian public university: *A preliminary finding*. ANZMAC 2010 Doctoral Colloquium, Christchurch, New Zealand: ANZMAC, 1-27.
- Mazzarol, T. and Soutar, G.N. (2002), Push-pull factors influencing international student destination choice. *International Journal of Educational Management*, **16** (2), 82-90.
- Padlee, S.F., Kamaruddin, A.R. and Baharun, R. (2010). International Students' Choice Behavior for Higher Education at Malaysian Private Universities. *International Journal of Marketing Studies*, **2** (2), 202-211.
- Piaw, C.Y. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan* (Kaedah Penyelidikan Buku 1). McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Spaulding, R. dan Olswang, S. (2015) Maximising enrolment yielded through financial aid packaging policies. *NAFSA Journal of Student Financial Aid* **35** (1) pp. 27-38.
- Wagner, K. and Fard, P.Y. (2009). Factors influencing Malaysian students' intention to study at a higher educational institution. *E-Leader Kuala Lumpur*, 1-12.
- Yang M (2007) what attracts mainland Chinese students to Australia higher education. *Studies in Learning, Evaluation Innovation and Development* **4** (2), 1-12.
- Yet Mee Lim, Ching Seng Yap, Teck Heang Lee (2014) Destination choice, service quality, satisfaction and consumerism. International student in Malaysian institutions of higher education. *African Journal of Business Management* **5** (5), 1691-1702.
- Yin, R.K. 2009. *Case Study Research: Design and Methods* ^{4rd Edition}. Thousands Oaks. CA.Sage.